

27 MAY 1999

Orang Asli-Kemahiran (Dengan gambar)

KUMPULAN PERTAMA BELIA ORANG ASLI TERLATIH DALAM INDUSTRI BINAAN

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Malaysia akan melahirkan kumpulan pertama terdiri daripada 16 belia Orang Asli yang terlatih dalam industri pembinaan menjelang September ini.

Setakat ini, kumpulan berkenaan telah tamat menjalani latihan dalam tiga jenis binaan iaitu menerap batu-bata, melepai serta memasang jubin. Mereka kini menjalani latihan keempat iaitu memandu jentera jengkaut.

Program latihan bagi kumpulan berkenaan dijalankan sejak 21 Sept lepas di Bukit Lanjan, di sini, yang dimulakan dengan kursus menerap batu-bata. Jenis binaan lain ialah memasang paip dan pertukangan kayu.

Apabila kumpulan belia Orang Asli Bukit Lanjan ini memperolehi kemahiran dan pengalaman, diharapkan mereka akan menjadi pekerja mahir dan seterusnya kontraktor atau usahawan, kata Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat Saujana Triangle Sdn Bhd, Abdullah Latiff hari ini.

Ia juga diharap dapat meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi Orang Asli dan akhirnya mencetuskan satu "anjakan paradigma" kepada masyarakat Orang Asli Bukit Lanjan, katanya pada taklimat sempena lawatan kerja Perdana Menteri ke Pusat Latihan Belia Orang Asli di Bukit Lanjan Jun ini.

Ide melatih Orang Asli dalam bidang pembinaan diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyediakan mereka dengan kemahiran berasaskan kecekapan yang diperlukan dalam industri binaan.

Abdullah berkata, dengan kemahiran itu akan memudahkan mereka mendapat pekerjaan dalam industri pembinaan, sekaligus membolehkan mereka memasuki arus perdana pembangunan dengan lebih yakin.

Program latihan setahun itu dikendalikan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui badan latihannya Akademi Binaan Malaysia (Selangor) Sdn Bhd dan bentuk latihan adalah berasaskan kecekapan kemahiran.

Abdullah berkata para pelatih juga menjalani latihan sambil bekerja di tapak binaan di bawah penyeliaan bersama kontraktor.

Bagi tujuan itu, Syarikat Kumpulan Emkay menjalin perjanjian dengan para kontraktornya bagi mengadakan latihan sambil bekerja dan mengambil mereka yang telah tamat serta lulus program latihan untuk bekerja termasuk di dalam rangkaian projek-projek Syarikat Kumpulan Emkay.

Dengan persetujuan itu, peluang-peluang mendapatkan pekerjaan dan perniagaan bagi belia Orang Asli Bukit Lanjan adalah dijamin, katanya.

Abdullah berkata kerajaan negeri Selangor telah meluluskan tanah seluas 260 hektar kepada pemaju iaitu Saujana Triangle Sdn Bhd (STSB), ahli Syarikat Kumpulan Emkay untuk dimajukan dengan pelbagai prasarana.

Sebagai balasan pemberian tanah itu kerajaan negeri telah mengenakan beberapa syarat, antaranya, Saujana Triangle perlu mewujudkan perumahan moden bagi ketua-ketua isi rumah Orang Asli Bukit Lanjan di samping memberi latihan kemahiran kepada golongan belia Orang Asli.

-- BERNAMA

CR AKD